
PENGGUNAAN DNA SEBAGAI QARINAH DALAM KES JENAYAH SYARIAH DAN KES PENENTUAN NASAB ANAK DI MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA

THE USE OF DNA AS QARINAH IN SYARIAH CRIMINAL CASES AND CASES OF DETERMINING CHILD LINEAGE IN SYARIAH COURTS IN MALAYSIA

^{i,*}Muhammad Isyraq Husaini Muliadi, ⁱFauzan Hafidzi Mustakim, ⁱSuhana Amiril, ⁱNazatul Faseha Md Nasir, ⁱNur Izni Azmi, ⁱZulzaidi Mahmod & ⁱHasnizam Hashim

ⁱFaculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

*(Corresponding author) e-mail: zulzaidi@esyariah.gov.my

ABSTRACT

A claim brought to the Syariah Court is essentially aimed at asserting a right or interest in a matter or defending such an interest against a disputing party. Therefore, this study aims to explain and clarify the use of DNA as qarinah (circumstantial evidence) in criminal cases and the determination of paternity in the Syariah Courts of Malaysia. The research problem is the lack of clear explanations regarding the use of DNA as qarinah in criminal cases and paternity determination in the Syariah Courts. The objective of the study is to elaborate on the use of DNA as qarinah in Syariah criminal cases and the determination of paternity in the Syariah Courts. Among the findings of the study are the understanding of DNA and its applications in forensic science, the recognition of DNA as qarinah in criminal cases in the Syariah Courts, the use of DNA in paternity determination from the Syariah perspective, and the application of DNA in paternity determination in the Syariah Courts.

Keywords: *DNA, expert testimony, paternity determination, circumstantial evidence*

ABSTRAK

Sesuatu dakwaan yang dilakukan di Mahkamah Syariah, pada asasnya bertujuan untuk menuntut hak atau kepentingan terhadap sesuatu perkara, ataupun bertujuan mempertahankan kepentingan tersebut daripada pihak yang mempertikai. Justeru, kajian ini bertujuan menerangkan dan menjelaskan penggunaan DNA sebagai qarinah dalam kes jenayah dan penentuan nasab anak di mahkamah Syariah Malaysia. Permasalahan kajian ialah tiada penerangan yang jelas tentang penggunaan DNA sebagai qarinah dalam kes jenayah dan penentuan nasab anak di mahkamah Syariah. Objektif kajian ialah memperincikan penggunaan DNA sebagai qarinah dalam kes jenayah Syariah dan penentuan nasab anak di Mahkamah Syariah. Antara dapatan kajian ialah DNA dan aplikasi dalam Sains Forensik, pengiktirafan DNA sebagai Qarinah dalam kes jenayah di Mahkamah Syariah, pemakaian DNA dalam penentuan nasab anak daripada perspektif Syariah dan Pengaplikasian penggunaan DNA dalam penentuan nasab anak di mahkamah Syariah.

Kata Kunci: DNA, keterangan pendapat pakar, penentuan nasab anak, qarinah

PENDAHULUAN

Perkataan qarinah berasal daripada qa-ra-na yang bermaksud untuk menggabungkan atau menghubungkan satu benda dengan yang lain. Perkataan qarinah ini secara literalnya telah digunakan dalam pelbagai disiplin ilmu seperti dalam ilmu balaghah, Usul Fiqh, Tafsir, Hadith dan yang lain-lain. Sebagai contoh dalam surat al-Fath ayat 10, perkataan "tangan" (yad) boleh ditafsirkan sebagai kekuasaan yang menggambarkan kekuasaan Allah. Selain itu, Dr. Wahbah al-Zuhayli menjelaskan bahawa terdapat dua elemen dalam qarinah iaitu perlu wujudnya fakta yang jelas yang boleh dijadikan asas sesuatu keputusan dan perlu wujud hubungan antara fakta yang jelas tadi dengan fakta yang dipertikaikan atau yang tidak diketahui.

Pemakaian qarinah sebagai salah satu kaedah keterangan dalam pembuktian kes jenayah menurut hukum syarak dan perundangan semasa. Antara jenis qarinah ialah qarinah qadaiyyah, qarinah qanuniyyah dan qarinah tabiiyyah. Melalui peruntukan dalam enakmen-enakmen keterangan yang ada di Malaysia, qarinah telah diterima pakai. Terdapat tiga kategori qarinah yang diterima pakai dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 (AKMS). Pertama, qarinah yang bersifat umum iaitu merangkumi alamat (qarinah lafziyah) dan al-amarat (shawahidul hal) yang dalam ialah seksyen 3 AKMS 1997 dalam mendefinisikan makna al-Bayyinah, iaitu: "keterangan yang membuktikan sesuatu hak atau kepentingan dan termasuklah qarinah". Kedua, qarinah merujuk "kaitan atau relevan". Qarinah dalam perundangan Barat dan Akta Keterangan 1950 dikenali sebagai relevancy. Menurut seksyen 3 AKMS 1997, qarinah ini disebut sebagai:

"Fakta yang mempunyai kaitan dengan fakta yang satu lagi dengan apa-apa cara yang disebut dalam Akta ini".

Qarinah kategori kedua ini banyak terdapat dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah 1997 yang merangkumi seksyen 5 hingga seksyen 42. Ketiga, qarinah dikenali sebagai anggapan atau andaian manakala dalam perundangan Barat disebut sebagai presumptive proof. Akta Keterangan 1950 mengklasifikasikan qarinah ini kepada dua iaitu anggapan berbentuk fakta dan anggapan undangundang. Menurut seksyen 4 Akta Keterangan Mahkamah Syariah 1997, qarinah dinyatakan:

1. Bilamana diperuntukkan oleh Akta ini bahawa Mahkamah boleh menganggap sesuatu fakta sebagai wujud, Mahkamah boleh samada menyifatkan fakta itu sebagai terbukti melainkan jika dan sehingga terbukti sebaliknya, atau boleh meminta buktinya.
2. Bilamana diperuntukkan oleh Akta ini bahawa Mahkamah hendaklah menganggap sesuatu fakta sebagai wujud, Mahkamah hendaklah menyifatkan fakta itu sebagai terbukti melainkan jika dan sehingga terbukti sebaliknya.

Dalam pengajian hukum Islam” jenayah” biasanya dimaksudkan sebagai kesalahan yang boleh dihukum dengan kesiksaan tertentu. Kesalahan jenayah secara umumnya dikenakan hukuman bersifat kesiksaan bagi pendapat para fuqaha. Walau bagaimanapun, penggunaan istilah “jenayah” dalam konsep yang umum seperti di atas tidak begitu popular dalam kalangan para fuqaha’ klasik Islam. Mereka sebaliknya selalu menggunakan istilah lebih terperinci dengan membahagikan konsep “jenayah” itu kepada tiga komponen yang lebih terperinci iaitu kesalahan hudud, kesalahan qisas dan kesalahan takzir.

Kesalahan hudud ialah kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman hudud. Kesalahan hudud adalah terdiri daripada kesalahan-kesalahan berzina, mencuri, meminum arak, menuduh zina (qadzhaf), menyamun, memberontak, dan murtad menurut pendapat jumhur fuqaha’. Kesalahan qisas pula bererti kesalahan yang boleh dihukum dengan kesalahan qisas. Kesalahan qisas diperincikan kepada tiga kategori iaitu, kesalahan terhadap nyawa seperti membunuh, kesalahan terhadap tubuh badan seperti melukakan atau mencederakan dan kesalahan terhadap nyawa daripada satu aspek dan tubuh badan daripada satu aspek yang lain seperti kesalahan terhadap anak dalam kandungan.

Seterusnya, ada satu hukuman lain bagi kesalahan qisas ialah diyat. Diyat merupakan hukuman alternatif apabila hukuman qisas tidak boleh dilaksanakan oleh sebab-sebab tertentu, seperti situasi jenayah itu sendiri berlaku tidak sengaja atau separuh sengaja ataupun situasi hukuman qisas tidak dapat dilaksanakan oleh sebab-sebab material seperti tiada persamaan antara penjenayah dan mangsa, atau hanya kerana pihak mangsa tidak mahu melaksanakan qisas dan memilih diyat sebagai ganti.

Di samping itu, kesalahan takzir pula dimaksudkan kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman takzir. Para fuqaha telah mengkategorikan kesalahan takzir kepada beberapa kategori seperti pertama, perbuatan maksiat yang diharamkan oleh Syarak, kedua, perbuatan yang bertentangan dengan kepentingan dan kesejahteraan awam, ketiga, perbuatan atau tinggalan yang tidak wajar dan bertentangan dengan sifat-sifat murni.

Terdapat tiga kategori dalam undang-undang jenayah syariah iaitu jenayah hudud, qisas dan takzir. Setiap kategori ini mempunyai kaedah dan tahap pembuktian yang berbeza mengikut jenis kesalahan. Seperti diketahui, hudud ialah hukuman yang ditetapkan Allah dalam al-Quran dan Sunnah. Terdapat istilah hudud yang bererti keseksaan yang ditetapkan oleh sayarak tentang kadar dan jenisnya dan wajib dilaksanakan sebagai hak Allah. Ini membawa maksud pemerintah atau hakim tidak boleh meminda hukuman apabila cukup syarat-syaratnya. Terdapat tujuh kesalahan dalam jenayah hudud iaitu zina, mencuri, hirabah, minum arak, qazaf, murtad dan memberontak. Hak Allah diertikan keseksaan ini diwajibkan untuk menjaga maslahah manusia dari segi akal, harta dan nasab.

DNA DAN APLIKASI DALAM SAINS FORENSIK

DNA atau maksud sebenarnya *asid deoksiribonukleik* adalah satu komponen utama kehidupan. Ia mengandungi bahagian set-set arahan biologi yang membentuk keperibadian individu. Maklumat-maklumat ini pula diperturunkan dari satu generasi ke generasi yang lain melalui perkembangan pembiakan (National Institute of Health, 2013).

Molekul DNA ini merupakan pangkalan data terpenting dalam sesuatu sel kehidupan. Gen pula adalah sub-unit kepada DNA tersebut yang berperanan dalam menentukan baka. Ringkasnya, gen adalah maklumat asas keturunan yang membezakan seorang individu dari yang lain, satu keturunan, kaum, masyarakat dan antara haiwan, tumbuhan dan manusia. Hal ini kerana gen adalah asas data baka yang membolehkan sel menjana protein. Melalui protein inilah yang mencorakkan setiap rupa bentuk fizikal, fisiologikal dan biokimia seseorang itu (Anuar Zaini, 2001).

Setiap kehidupan mempunyai DNA yang tersendiri yang tidak akan bercampur aduk dengan DNA orang lain. Seseorang individu memiliki set lengkap DNA yang mengandungi kromosom yang diperolehi daripada ibu bapa. Yang mana ia adalah berjumlah sebanyak 23 pasang set dengan setiap

satunya adalah daripada ibu dan bapa yang menjadikan bilangan itu sebanyak 46 set kromosom. Set-set kromosom inilah yang mengandungi jutaan maklumat tentang kehidupan seseorang sebagai manusia. Maklumat-maklumat inilah yang dikenali sebagai gen. Contoh gen adalah seperti warna mata atau bentuk hidungnya (American Prosecutors Research Institute, 2003).

DNA boleh didapati di dalam nukleus. Nukleus pula terletak di dalam sel yang membentuk tisu dan seterusnya organ tubuh. Selain daripada sel, DNA juga ada terdapat di dalam mitokondria. Antara sel-sel yang mempunyai rangkaian DNA adalah seperti sel darah putih, sperma, peluh, air liur, akar rambut, tahi telinga, tulang dan gigi. Selain itu, DNA hidupan juga boleh diperolehi dari hati dan jantung serta tisu dan kulit hidupan. Biasanya, DNA akan diekstrak daripada nukleus dan diuji untuk mendapatkan susunannya sebagai data perbandingan. Namun, dalam kes-kes seperti sampel mayat yang telah reput atau sel-sel yang telah mati, biasanya DNA mitokondria akan digunakan berbanding DNA nukleus.

Aplikasi DNA dalam sains forensik ialah DNA mempunyai peranan yang besar dalam kehidupan manusia masa kini. Ia bukan sahaja kejadian sains yang memiliki keunikian yang agung mengenai kewujudan manusia, haiwan maupun tumbuhan. Tetapi juga membantu manusia seiring dengan perkembangan zaman dan kemajuan teknologi di era ini. Setelah manusia berjaya memecahkan rahsia misteri susunan kromosom DNA dan keunikannya sebagai salah satu ciri variasi kehidupan, ia diaplikasikan dalam penyiasatan forensik.

Sains forensik merupakan satu bidang sains yang menjalankan kajian ke atas penyiasatan jenayah dengan menggunakan ilmu sains seperti kimia, biologi, fizik, teknologi maklumat, dan sebagainya. Ia juga merupakan proses yang mengaplikasikan kemodenan sains dalam menyelesaikan pelbagai permasalahan terutama yang melibatkan kes-kes mahkamah, penyiasatan, jenayah dan sebagainya. Akan tetapi, bidang ini telah diperluaskan ke dalam pelbagai skop sains yang secara ringkasnya bolehlah dikelaskan kepada pelbagai cabang, antaranya bidang forensik biologi, forensik fizik, forensik kimia, forensik komputer dokumen dan tulisan, dan forensik perakaunan (Ahmad Syukran Baharuddin, 2017).

Definisi Sains Forensik menurut bahasa, forensik adalah berkenaan pengetahuan perubatan yang diperlukan dalam pengadilan. Misalnya, untuk menentukan punca sesuatu kematian (Kamus Dewan, 2007). Manakala, Max M. Houck menyatakan bahawa perkataan '*forensic*' terbit daripada Latin, '*forum*' yang bermaksud 'awam' (public). Pada zaman Rom kuno, Senat bertemu di Forum iaitu satu tempat awam di mana isu-isu polisi dan politik harian dibincangkan dan didebatkan. Bahkan hari ini, pasukan-pasukan pengajian tinggi dan universiti yang bersaing dalam debat atau perucapan awam dipanggil '*forensics*'. Lebih teknikal lagi, forensik bermaksud sebagai diaplikasikan kepada awam atau hal yang berkaitan undang-undang (Max M. Houck, 2009). Sains biasa ialah gabungan cara yang sistematis untuk kita memperoleh sesuatu pengetahuan dengan beberapa kaedah khusus seperti eksperimen dan pemerhatian.

Forensik adalah berkaitan dengan mahkamah keadilan ataupun satu perdebatan umum sama ada melalui lisan atau dokumen. Bukan itu sahaja, malah forensik adalah satu proses menggunakan pengetahuan saintifik untuk mengumpul, menganalisa, dan mempersempahkan keterangan kepada mahkamah. Selain itu, forensik turut diertikan sebagai "*of, relating to, or denoting the application of scientific methods and techniques to the investigation of crime.*" Dengan kata lain, forensik ialah ujian atau teknik-teknik saintifik yang digunakan untuk tujuan mengesan jenayah (Jay M. Feinman & Erin McKean, 2003).

Dapatlah dikatakan bahawa sains forensik pula ialah kemahiran untuk menyelesaikan sesuatu kes atau penyiasatan yang menggunakan aplikasi sains dalam menyelesaikan kes tersebut. Kes yang disiasat atau yang ingin diselesaikan tidak terhad kepada kes-kes yang melibatkan jenayah sahaja, malah sains forensik juga menjadi nadi kepada penyelesaian kes-kes lain seperti pengesahan identiti anak dan ibu bapa, identiti mangsa nahas, punca sesuatu insiden atau kemalangan dan sebagainya (Ahmad Syukran Baharuddin, 2017).

DNA dan Sains Forensik Membantu Siasatan Kes. Kebanyakan kes yang menggunakan profil DNA adalah untuk memastikan identiti individu sama ada bagi kes mayat reput, kematian akibat bencana ramai dan mengenalpasti identiti ibu bapa sebenar bagi seorang bayi atau anak yang ditinggalkan atau dibuang. Ia juga berguna bagi menyelesaikan isu pertikaian nasab seorang anak sebagaimana dalam kes perebutan harta pusaka, anak luar nikah mahupun untuk mengenal pasti bapa sebenar si anak. Bagi kes-kes yang mana pendakwaan di mahkamah, ada beberapa langkah utama yang dilakukan oleh ahli sains dalam mengaplikasikan DNA. Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut (*American Prosecutors Research Institute*, 2003):

1. Mengenal pasti profil genetik daripada sampel biologi yang diperolehi di tempat kejadian sesuatu kes (sebagai contoh, tinggalan sperma dalam kejadian rogol).
2. Mengenal pasti profil genetik daripada sampel orang kena tuduh atau suspek.
3. Membandingkan antara kedua-dua profil ini untuk mendapatkan persamaan atau perbezaan.
4. Mengira kebarangkalian statistik bagi seseorang individu secara rawak memiliki profil genetik yang sama dengan profil genetik yang diperolehi daripada tempat kejadian kes.

Kebanyakan analisa yang dijalankan oleh ahli forensik termasuklah analisa DNA dilakukan di makmal forensik. Sehingga ke hari ini, analisa DNA bagi tujuan pembuktian di mahkamah dilakukan oleh Bahagian DNA Forensik Jabatan Kimia Malaysia. Bahagian DNA Forensik ini menjalankan analisa ke atas bahan bukti biologi seperti kesan air mani, kesan darah, rambut dan apa-apa bukti sampel biologi yang dijumpai di tempat kejadian. Tambahan lagi, perkhidmatan ujian paterniti juga disediakan bagi mana-mana agensi kerajaan atau pihak persendirian yang memerlukan perkhidmatan pengesahan paterniti (Pusat Analisis Sains Forensik Jabatan Kimia Malaysia, 2018).

Hasil daripada kajian analisa DNA yang dijalankan oleh ahli forensik, dapatan analisa tersebut melalui dokumen atau pendapat pakar secara terus menjadi salah satu bahan bukti yang kukuh sama ada di mahkamah syariah mahupun mahkamah sivil. Pendapat pakar seperti pakar forensik diterima pakai dalam perundangan kerana mereka mempunyai kemahiran dan pengetahuan terhadap ilmu sains dan teknologi dalam membuktikan kes-kes jenayah. Oleh yang demikian, terdapat banyak kes yang melibatkan keperluan mahkamah dalam memanggil pakar-pakar yang berkaitan dengan pertikaian dalam mahkamah.

Umum mengetahui bahawa statut perundangan yang berkaitan undang-undang keterangan di Malaysia ialah Akta Keterangan 1950. Bagi membolehkan sesuatu keterangan itu diterima di mahkamah, ia perlulah jatuh dalam lingkungan Akta Keterangan 1950. Hal ini bermakna, jika sesuatu pihak kepada prosiding membawa keterangan saksi pakar, ia mestilah berada dalam manamana peruntukan dalam akta itu untuk menjadikannya relevan. Keterangan pakar adalah relevan di bawah *Seksyen 45 Akta Keterangan 1950*. Seksyen 45 berbunyi:

- (1) *Apabila mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat atas sesuatu perkara mengenai undang-undang negara asing atau mengenai sains atau seni, atau tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari, maka pendapat atas perkara itu daripada orang yang mempunyai kemahiran khusus dalam undang-undang negara asing, sains atau seni itu atau dalam soal tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari, ialah fakta berkaitan.*
- (2) *Orang sedemikian itu dipanggil pakar*

Berdasarkan kepada peruntukan seksyen ini, sesorang itu boleh dianggap pakar apabila pendapat atau perkara itu jatuh di bawah beberapa kategori iaitu undang-undang negara asing, sains atau seni dan tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari. Justeru, selain kategori ini, tidak akan dianggap pakar. Melihat kepada kandungan Seksyen 45 ini, perkataan ‘forensik’ tidak digunakan.

Seksyen ini hanya menggunakan terminologi ‘sains’ dalam membincangkan kategorikategori pakar (Ramalingam Rajamanickam, Anita Abdul Rahim & Anisah Che Ngah, 2012).

Dibawah Seksyen 33(1) *Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003* pula, menyatakan antara keperluan perundangan atau mahkamah terhadap pendapat pakar forensik adalah perkara mengenai sains, identiti, cap jari dan juga perkara berhubungan dengan penentuan nasab anak dimana akan dijalankan dengan mengambil sampel DNA seterusnya dianalisa untuk pembuktian. Orang yang pakar dikehendaki untuk membantu siasatan kes ini pula perlulah mempunyai pengetahuan dan pemahaman yang tinggi terhadap sesuatu bidang, perkembangan terkini berkaitan bidang tersebut serta mahir dan kompeten.

STATUS PENGIFTIRAFAN DNA SEBAGAI QARINAH DALAM PERUNDANGAN SYARIAH

Pandangan yang diketengahkan oleh Abdul Karim Zaidan dengan jelas menunjukkan bahawa qarinah merujuk kepada keberadaan atau ketiadaan suatu entiti yang menjadi dasar bagi keterangan yang disampaikan oleh seseorang, dan konsep ini diterima dalam konteks Islam. Secara sederhana, qarinah merujuk kepada alasan yang digunakan untuk menunjukkan kesalahan, yang disertai dengan bukti atau keterangan. Istilah "alasan yang dapat dijadikan bukti" yang digunakan mencakup arti umum, yaitu apakah bukti tersebut dapat dilihat, dirasakan, didengar, diraba, atau mengikuti bentuk persepsi lainnya.

Dari segi peruntukan undang-undang Syariah di Malaysia, di dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 terdapat peruntukan khas berkenaan qarinah pada bahagian Bahagian 1, Bab 2 yang mengandungi Seksyen 5 hingga Seksyen 42.

Secara amnya qarinah di dalam enakmen ini mempunyai tujuh perkara utama iaitu:

1. Qarinah dalam bentuk Am;
2. Qarinah di dalam bentuk pernyataan oleh orang yang tidak dapat dipanggil sebagai saksi;
3. Qarinah dalam bentuk pernyataan yang dibuat di bawah hal keadaan khas;
4. Qarinah dalam bentuk sebanyak mana pernyataan dikehendaki dibuktikan;
5. Bila penghakiman mahkamah menjadi qarinah;
6. Bila pendapat orang ketiga menjadi qarinah;
7. Bila watak menjadi qarinah.

Apabila membincangkan konsep qarinah, ia secara khusus berkaitan dengan penafsiran pakar, yang seringkali melibatkan analisis DNA sebagai satu contoh. Ketepatan penjelasan pakar memainkan peranan penting dalam konteks globalisasi masa kini, di mana keputusan yang tepat harus dihasilkan oleh sistem kehakiman, memberi panduan kepada hakim-hakim mengenai bidang yang mungkin berada di luar bidang kepakaran mereka. Di Malaysia, penggunaan DNA telah menjadi umum dalam konteks Mahkamah Sivil, sementara di Mahkamah Syariah, aplikasi DNA terutamanya berkaitan dengan keskes seperti Hak Penjagaan Anak (Hadhanah), Jenayah Syariah seperti persetubuhan haram, dan pengesahan status nasab dalam kes-kes Harta Pusaka, bergantung pada keadaan dan fakta kes yang dikemukakan di hadapan mahkamah.

Sebagai contoh ilustratif, kes Rosli bin Abdul Japar (23/2 JH 237, 2007), yang melibatkan Pendakwa Syarie Negeri Sabah, menjadi suatu peristiwa pionir yang mengintegrasikan ujian DNA di Mahkamah Syariah sebagai elemen qarinah. Qarinah ini diperkuat oleh pandangan ahli pakar, yang mengesahkan kebolehan DNA sebagai indikator yang dapat mendukung suatu tuduhan. Walau bagaimanapun, penting untuk dicatat bahawa DNA tersebut tidak seharusnya digunakan untuk menarik kesimpulan yang mengaitkan individu tersebut dengan suatu kesalahan. Justifikasi ini diutarakan kerana qarinah, dalam konteks syarie, tidak dianggap sebagai bukti yang mutlak. Dengan merujuk kepada prinsip asas dalam perundangan saksi, penyampaian pandangan peribadi oleh seseorang di mahkamah cenderung dianggap tidak relevan. Kegagalan menerima pandangan tersebut disebabkan oleh ketidakberesan bukti yang kukuh dan jelas yang berkaitan dengan fakta dalam konteks isu yang dibangkitkan. Tambahan

pula, terdapat risiko bahawa pandangan individu tersebut boleh mencampuradukkan fakta sebenar dalam kes tersebut dengan pandangan peribadinya, disebabkan perbezaan intrinsik antara pandangan dan realiti fakta.

Di mahkamah Syariah, pandangan individu hanya akan dipertimbangkan oleh badan kehakiman setelah hakim yang berkebijaksanaan menyelidiki dan menilai fakta-fakta yang telah disampaikan kepada beliau. Meskipun demikian, dalam keadaan tertentu yang bersifat mendesak, pengecualian terhadap prinsip tersebut dapat diberikan apabila perundangan memberikan keleluasaan untuk memasukkan keterangan pandangan pakar, sebagaimana yang diperuntukkan dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003, Bahagian I (Kerelevanan) yang diikuti dengan Bab 2 (Qarinah). Mahkamah Syariah telah menerima pakai konsep qarinah secara meluas melalui Seksyen 33 hingga Seksyen 39 yang memperuntukkan mengenai "Bila Pendapat Orang Ketiga Menjadi Qarinah."

Sebahagian besar daripada peruntukan yang terkandung di dalamnya adalah hasil serap guna Akta Keterangan 1950 (Mahkamah Sivil). Antara perbezaan utama yang dapat dikenal pasti antara peruntukan yang berkaitan dengan pandangan pakar dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah dan Akta Keterangan 1950 terletak pada penambahbaikan yang dilakukan ke atasnya. Secara khusus, terdapat penambahan satu lagi kategori pandangan pakar iaitu "berhubung dengan penentuan nasab" di bawah seksyen 33 (1), dan penambahan subseksyen (3) yang memperincikan peruntukan mengenai pandangan pakar di Mahkamah Syariah. Subseksyen (3) yang ditambahkan tersebut membentangkan penjelasan yang mengenai jumlah pandangan pakar yang seharusnya dibentangkan di Mahkamah Syariah.

Kebiasaannya, pendapat orang ketiga adalah sangat umum dan mana-mana orang atau pihak ketiga yang ingin mengemukakan pendapat adalah tertakluk kepada peruntukan ini. Terdapat dua keterangan pendapat iaitu

1. Keterangan pendapat pakar;
2. Keterangan pendapat bukan pakar.

Bagi tujuan penulisan ini, pemakaian Seksyen 33 difokuskan untuk menilai kategori pendapat pakar di Mahkamah Syariah yang memperuntukkan bahawa:

Pendapat pakar

33. (1) Apabila Mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat atas sesuatu perkara mengenai undang-undang negara asing atau mengenai sains atau seni, atau tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan dengan penentuan nasab, maka pendapat atas perkara itu daripada orang yang mempunyai kemahiran khusus dalam undang-undang negara asing, sains atau seni itu, atau dalam soal tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan dengan penentuan nasab, ialah qarinah.

- *Orang sedemikian itu dipanggil.*
- *Dua orang pakar atau lebih hendaklah dipanggil untuk memberikan keterangan jika boleh tetapi jika tidak terdapat dua orang pakar, maka keterangan seorang pakar adalah memadai. Jika dua orang pakar memberikan pendapat yang berlainan, maka pakar yang ketiga hendaklah dipanggil untuk memberi.*

Sebagai pemahaman, sekiranya terdapat sesuatu dokumen lain yang telah dikemukakan, dibuktikan atau diakui telah ditulis oleh A, maka pendapat pakar akan menilai ke atas sama ada kedua-dua dokumen itu telah ditulis oleh orang yang sama atau oleh orang yang berlainan dan ia akan dijadikan sebagai *qarinah*. Fakta berkenaan akan didatangkan dengan pendapat pakar. Secara tidak langsung, penggunaan DNA juga boleh digunakan dan dipertimbangkan oleh pihak mahkamah untuk dijadikan sebagai pendapat

pakar yang disokong dengan pembuktian secara saintifik dan perkara ini memerlukan kepada pengkajian khusus atau pengalaman yang spesifik dalam memberikan sesuatu pendapat kepada pihak mahkamah.

Dalam temubual yang dijalankan oleh Dr. Alias Azhar bersama Tuan Mohd Zaidi, Pegawai penyelidik Kanan, Ketua Hakim Syariae, Mahkamah Syariah Perlis pada Jun 2015 telah mendapatkan bahawa penerimaan hasil analisis DNA adalah bergantung kepada penilaian cermat hakim yang mendengar sesuatu kes. Selepas mendengar keterangan pakar hakim secara keseluruhan akan membuat keputusan sama ada terdapat keraguan dalam hasil kajian apabila terbukti hasil kajian adalah tepat dan tidak timbul sebarang kesangsian hasil kajian tersebut barulah hakim bicara akan menerima keterangan tersebut sebagai bayinah.

Dalam konteks Mahkamah Syariah, DNA boleh dianggap sebagai qarinah yang dapat menyokong suatu tuduhan, namun penting untuk diingat bahawa DNA tidak boleh digunakan secara mutlak untuk menuduh individu dengan suatu kesalahan. Keterbatasan ini disebabkan oleh hakikat bahawa qarinah, atau petunjuk, yang diberikan oleh DNA tidak memenuhi kehendak bukti yang mutlak dan tegas menurut prinsip-prinsip syariah. Contohnya, dalam kes zina, Islam telah menetapkan standard bukti dalam tiga bentuk yang kebiasaannya diakui dan diamalkan di Mahkamah Syariah. Pertama, pengakuan dari individu yang terlibat (ikrar). Kedua, kehadiran empat orang saksi yang harus memenuhi syarat-syarat tertentu, termasuk syarat bahwa kesemua saksi Islam tersebut harus menyaksikan perbuatan zina secara langsung (shahadah) dan ketiga, bukti kehamilan seseorang perempuan, dengan syarat bahawa perempuan tersebut belum sah dalam ikatan perkahwinan dan tiada bukti yang menunjukkan bahawa kehamilan tersebut berpunca dari satu perbuatan rogol.

Selain itu, apabila menggunakan analisis DNA sebagai sumber bukti, mahkamah perlu menjalankan pemeriksaan terhadap kepentingan yang melibatkan pihak-pihak yang terlibat. Hakim yang memimpin perbicaraan tersebut seharusnya memperoleh persetujuan dari pihak-pihak yang berkonflik sebelum melakukan pengambilan sampel DNA dari individu masing-masing. Selanjutnya, hakim juga diwajibkan untuk memastikan kesepakatan bersama dari kedua belah pihak terkait dengan hasil penilaian ahli DNA, kerana hasil tersebut akan mempengaruhi putusan mahkamah. Walaupun Mahkamah Syariah tidak terikat oleh keputusan ujian DNA yang terbatas pada tingkat qarinah, keberatan salah satu pihak harus tetap diperhatikan.

Hal ini dikatakan demikian kerana, penggunaan DNA sebagai suatu bentuk keterangan tidak boleh dijadikan sandaran dan alasan untuk menolak sesuatu perkara yang sudah termaktub hukum hakamnya sejak dahulu. Sebagai contoh dalam isu penentuan nasab anak. Bagi maksud penentuan nasab anak, mahkamah Syariah lebih khusus memperuntukkan kaedah dan mekanisme penetuannya berbanding mahkamah sivil. Hal ini dapat dilihat menerusi keputusan kes Eddyham bin Zainuddin Iwn. Rahimah bt. Muhamad yang menyatakan bahawa pendapat pakar dalam kategori penentuan nasab adalah merujuk kepada pensabitan nasab dan bukannya untuk menafikan nasab. Dalam kes ini, hakim telah menolak keterangan pakar DNA kerana mahkamah mendapati permohonan sebenar yang ingin dilakukan oleh pemohon adalah berkaitan penafian nasab. Berdasarkan nas dan autoriti yang dikemukakan oleh hakim, hanya terdapat satu cara atau kaedah sahaja yang boleh digunakan untuk menafikan nasab, iaitu dengan kaedah li'an. Ini adalah kerana ia berkait rapat dengan tuduhan zina (qazaf) dan cara lain tidak diiktiraf oleh hukum syarak. Laporan DNA tersebut hanya boleh digunakan oleh perayu sebagai untuk menguatkan keyakinan perayu bagi melakukan qazaf dan berli'an sahaja. Mahkamah Rayuan Syariah dalam kes ini tidak mengulas lanjut berkaitan ketidakbolehterimaan keterangan DNA kerana ia tidak relevan sama sekali.

Hasil pembacaan terhadap keputusan hakim dalam kes tersebut, jelas sekali bahawa terdapat keterbatasan daripada sudut pandang hukum syarak terhadap pemakaian DNA sebagai sesuatu keterangan walaupun laporan DNA menyokong sesuatu pertuduhan tersebut. Hal ini bagi memastikan sandaran paling utama dalam menentukan sesuatu isu tidak semata-mata bergantung kepada kajian saintifik misalnya DNA sebagai instrumen untuk mengabsahkan masalah yang berbangkit sebaliknya

berbalik kepada peruntukan Syariah seperti li'an yang akan menjaga kemaslahatan masyarakat secara umum.

PEMAKAIAN DNA DALAM PENENTUAN NASAB ANAK DARI SUDUT PERSPEKTIF SYARIAH

Islam amat menitikberatkan soal nasab bagi memelihara maqasid syariah yang lima iaitu menjaga nasab atau keturunan demi menjaga maslahat awam umumnya dengan menghalalkan perhubungan melalui jalan perkahwinan. Nasab dapat ditakrifkan sebagai satu hubungan sesama insan yang disandarkan kepada bapa dan datuk. Tuntutan agama dalam memastikan pemeliharaan terhadap nasab dapat disandarkan kepada firman Allah SWT:

“Panggillah anak-anak angkat itu dengan berbinkan kepada bapa-bapa mereka sendiri, cara itulah yang lebih adil di sisi Allah”

(al-Ahzaab: 5)

Berdasarkan kepada dalil al-Quran dan hadith dapat dinyatakan disini dalam menentukan nasab, ulama' bersepakat penentuan nasab dapat dilakukan dengan cara firasy, pengakuan dan penyaksian. Kemajuan teknologi masa kini memungkinkan penggunaan DNA dapat diguna pakai dalam kes penentuan nasab anak. Hal ini dapat dipastikan perkembangan ilmu saintifik berhubung DNA dapat membantu dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan terutama apabila menyentuh soal pewarisan genetik anak dapat dihubungkan kepada ibu dan bapa asalnya. Penggunaan kaedah al-walad lil firasy merupakan antara kaedah yang diguna pakai dalam penentuan nasab berdasarkan kepada Hadith Nabi SAW:

الولد للفراس وللعاهر الحجر

“(Nasab) anak itu milik hamparan (perkahwinan yang sah). Sedangkan bagi penzina tiada apaapa hak”

Hadith di atas dapat disifatkan al-aahir merujuk kepada penzina lelaki tidak akan mendapat apaapa kecuali batu iaitu kekecewaan. Adapaun, ada yang berpendapat “batu” itu merujuk kepada hukuman rejam. Bagaimanapun, kaedah ini diputuskan satu daripada komponen penting selain pengakuan dan penyaksian dalam pensabitan nasab kepada pemilik firasy iaitu merujuk kepada satu akad ikatan perkahwinan. Dapat difahami melalui hadith di atas menggambarkan anak yang dilahirkan di atas tilam yang dimiliki oleh pemiliknya adalah dianggap sebagai anaknya yang sah taraf. Menurut Hadith yang lain, satu pertelingkahan telah berlaku di antara Sa'ad bin Abi Waqqas dan Abd bin Zam'ah berkenaan seorang kanak-kanak lelaki lalu berkata Sa'ad bin Abi Waqqas kepada Nabi SAW: “Wahai Rasulullah, ini anak kepada saudara lelaki saya, Utbah bin Abi Waqqas dan lihatlah kepada persamaannya dengan Utbah bin Abi Waqqas”. Maka, berkata Abd bin Zam'ah: “Ini saudaraku ya Rasulullah, anak kepada firasy bapaku dari ibunya (anak itu)”. Kemudian, Rasulullah melihat kepada anak itu dan melihat kepada persamaannya dengan Utbah. Maka, berkata Rasulullah SAW: “Dia adalah saudara lelaki kamu wahai Abd bin Zam'ah iaitu berdasarkan anak adalah hak kepada pemilik firasy dan terhijablah Saudah binti Zam'ah dengan adanya anak lelaki itu. Hal ini disusuli lagi dengan hadith yang lain di mana Nabi SAW telah didatangi oleh seorang lelaki yang mengadu perihal isterinya yang telah melahirkan seorang bayi berkulit hitam. Lelaki itu menyatakan kecurigaannya tentang taraf dan nasab bayi yang baru dilahirkan isterinya itu. Antara dialog Nabi SAW dengan lelaki itu, baginda bertanyakan sekiranya lelaki itu ada membela unta. Lalu dijawab oleh lelaki itu: “Ya”. Baginda menyambung: “Apakah warna unta yang dimilikinya?”. Lelaki itu mejawab: “Coklat”. Baginda bertanya lagi: “Adakah antara unta-untanya yang berwarna coklat itu terdapat unta yang lain berwarna kelabu?”. Lantas lelaki itu mengiyakannya dan sekali lagi baginda bertanya: “Bagaimana hal itu boleh berlaku?”. Lelaki tersebut menjawab: “Kemungkinan adalah disebakan oleh baka/keturunan”. Kemudian baginda menjawab: “boleh jadi juga bayi yang dilahirkan oleh isterinya itu berkulit hitam kerana baka atau keturunan nenek moyangnya”.

Rentetan itu, kepelbagaiannya hadis di atas jelas memaparkan Nabi SAW mengiktiraf ciri-ciri genetik yang tersendiri bagi setiap individu boleh menjadi bukti kepada pewarisan dan pensabitan nasab (keturunan). Mahupun begitu, ulama' bersepakat dalam menggunakan pakai doktrin firasy ini, suami mestilah seorang

yang berkemampuan melakukan hubungan kelamin bagi membolehkann isterinya mengandung dan sudah mencapai usia baligh. Mazhab Syafi'e, Maliki dan Hanbali juga mensyaratkan suami dan isteri mesti tinggal bersama sehingga memungkinkan kandungan itu berlaku bagi memastikan nasab diberikan kepada mereka yang berhak, dan kedudukan pemeliharaan nasab ini begitu tinggi walaupun ikatan akad yang sebenarnya telah berlaku. Akan tetapi, mazhab Hanafi mengambil pendekatan yang lebih longgar dengan tidak mensyaratkan suami isteri tinggal bersama, bahkan cukup dengan akad nikah sebagai satu ikatan yang mulia untuk membuktikan bahawa anak yang bakal dilahirkan adalah sah taraf.

Sedikit fakta berkenaan DNA ini adalah merupakan pangkalan data terpenting dalam sesuatu sel kehidupan. Gen pula adalah sub-unit kepada DNA tersebut yang berperanan dalam menentukan baka. Ringkasnya, gen adalah maklumat aras keturunan yang membezakan seorang individu dari yang lain, satu keturunan, kaum, masyarakat dan antara haiwan, tumbuhan dan manusia. Dinyatakan di sini, gen merupakan aras data baka yang membolehkan sel menjana protein. Melalui protein inilah yang mencorakkan setiap rupa bentuk fizikal, fisiologikal dan biokimia seseorang itu. Kewujudan hubungkait antara al-Quran dan sains pula tidak boleh dinafikan apabila intipati al-Quran itu sendiri merupakan satu mukadimah saintifik tentang setiap aspek kehidupan ummah. Dalam banyak perkara ia jelas mementingkan pengulasan tepat dari sudut sains. Sebagai contoh, sebahagian daripada ayat-ayat al-Quran yang dianugerahkan kepada manusia banyak mengandungi rahsia sains yang tidak terjangkau oleh minda. Contohnya melalui proses pembentukan manusia yang bermula dari air benih menjadi sebuah darah beku sebagaimana dalam firman Allah:

“Lalu Kami ciptakan darah beku itu menjadi seketul daging; kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang; kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu Kami bentuk Dia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya”

(al-Mukminun: 14)

Kesempurnaan ciptaan Allah ini dapat dibuktikan dengan kewujudan DNA atau molekul yang mengandungi maklumat-maklumat genetik yang diwarisi daripada induk iaitu ibu dan bapa juga merupakan unit aras kepada pewarisan. Oleh itu, antara aplikasi terhadap kajian DNA ialah menentukan keturunan atau nasab seseorang dengan melihat persamaan sifat-sifat genetik yang terdapat di dalam DNA mereka. Umumnya perbahasan mengenai DNA ini tidak ditemui dalam perbincangan ulama-ulama silam namun berpandukan nas-nas yang umum dan kaedah fiqh, pelbagai masalah kontemporari dapat ditentukan hukumnya. Turut sama diguna pakai dalam perbahasan pengesahan DNA sebagai satu mekanisme alternatif dalam menentukan nasab. Ijmak ulama' sepakat memutuskan bahawa tiga mekanisme seperti yang telah dinyatakan iaitu doktrin al-walad lil firasy, pengakuan dan penyaksian adalah mekanisme utama dalam penentuan nasab. Walau bagaimanapun, kebanyakan ulama meletakkan kedudukan DNA setaraf dengan al-qiyafah (physiognomy) iaitu melalui tafsiran mereka yang pakar tentang ilmu firasat salasilah. Namun, jika berlaku pertentangan antara al-qiyafah dan ujian makmal, perlu didahului pandangan pakar kerana ia terbukti dengan kajian sains yang tidak mungkin silap berbanding dengan al-qiyafah yang melalui proses anggapan sahaja. Abdul Karim al-Zaydan juga seorang ulama' kontemporari menyuarakan pandangannya berkenaan masalah ini dengan mengharuskan penentuan nasab anak yang dilahirkan kepada bapa dan ibunya sekiranya disabitkan oleh pakar perubatan bahawa darah anak mempunyai persamaan dengan darah ayah dan ibunya. Beliau menyambung lagi, apabila pakar perubatan telah mensabitkan wujud pertalian antara seorang individu dengan ibu bapanya melalui analisa makmal ke atas gen anak yang dilahirkan itu, maka anak itu boleh dinasabkan kepada ibu bapanya. Selari dengan Islam itu sendiri yang bersifat syumul tidak terkecuali dalam menerima pakai kajian saintifik bagi tujuan yang dibenarkan syara' dan mengelakkan mudarat yang lebih besar menimpa ke atas umat manusia sekiranya mengetepikan bukti saintifik dalam urusan kehidupan. Tuntasnya, pemakaian ujian DNA dilihat menjadi satu medium baharu bagi pelaksanaan kajian dalam kes penentuan nasab anak yang kian diambil kira sebagai qarinah di mahkamah syariah.

Selain itu, dari sudut kaedah fiqh ada menyatakan:

"درء المفاسد جلب المصالح"
"Menolak kemudarat itu lebih utama daripada mendapatkan maslahah"

Berdasarkan kaedah fiqh di atas jelas menunjukkan islam adalah agama yang menginginkan kebaikan kepada umat bukan kepayahan. Jelas, dalam masalah penentuan nasab yang kini menjadi pertikaian masyarakat mendorong kepada kaedah pemakaian DNA sebagai qarinah bagi menguatkuaskan keputusan dan membantu hakim dalam membuat pertimbangan bagi menilai sesuatu isu yang timbul di hadapannya dengan cara yang lebih efisien. Dalam menghurai isu berkaitan pemakaian DNA dalam penentuan nasab anak ini, dapat dilihat melalui Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang yang merujuk kepada keputusan Majma' Fiqh al-Islami yang bersidang pada 5-10 Januari 2002:

Pertama: Tiada larangan agama untuk bergantung kepada DNA dalam siasatan kesalahan jenayah, dan boleh mengambilnya sebagai satu jalan untuk mensabitkan kesalahan yang tidak termasuk di dalam bab Hukum Had dan Qisas berikutkan Hadith yang menyebut:

"ادرؤوا الحدود بالشبهات"
"Tolaklah hukuman hudud dengan syubhat"

Kedua: Penggunaan kaedah DNA dalam bidang penetapan nasab mesti ditangani dengan penuh berhati-hati, cermat dan sulit. Oleh itu, tidak boleh tidak mestilah mendahului nas-nas agama dan kaedah-kaedah syarak berbanding DNA.

Ketiga: Tidak dibenarkan agama bergantung kepada DNA untuk menafikan nasab, dan tidak boleh juga mendahului DNA berbanding al-Li'an'. Justeru, mesyuarat telah menyimpulkan hasil keputusan Majma' al-Fiqhi di atas dalam mengisbatkan nasab, penggunaan DNA adalah dibenarkan dan dilakukan atas perintah mahkamah hanya dalam kes pertelingkahan ketidaktahuan nasab anak atas pelbagai sebab, kekeliruan atau pertukaran anak di hospital atau pusat jagaan, kes bayi tabung uji serta dalam kes anak-anak yang hilang atas sebab bencana alam dan sebagainya. Walau bagaimanapun, Majma' al-Fiqh al-Islami menetapkan bahawa DNA tidak boleh digunakan untuk menafikan nasab anak apatah lagi digunakan mendahului kaedah li'an'. Tambahan pula, ujian DNA hanyalah satu ujikaji yang membolehkan seseorang itu mengetahui jika mungkin terdapat individu lain yang juga mempunyai pertalian darah dengannya. Paling utama di sini adalah ujian tersebut bukanlah untuk seseorang itu menentukan sendiri bahawa dia memiliki hubungan pertalian dengan yang lain kerana perkara tersebut jelas salah dan bertentangan dengan kehendak undang-undang yang sedia ada. Turut dinukilkan daripada salah satu hadis yang menyebut "الولد للهراش", yang membawa makna anak yang lahir itu mestilah berdasarkan hubungan suami isteri yang sah. Justeru, ujian DNA hanyalah untuk menguatkan qarinah atau sokongan semata-mata dan tidak boleh dijadikan bahan bukti utama.

PENGAPLIKASIAN PENGGUNAAN DNA DALAM PENENTUAN NASAB ANAK DI MAHKAMAH SYARIAH

Persoalan penggunaan DNA dalam kaedah penentuan nasab kini bukan sesuatu yang asing dan dilihat tidak menyalahi syariah kerana al-Quran sebagai panduan hidup telah meletakkan asas-asas dan kaedah umum dalam menyelesaikan hukum bagi perkara-perkara yang baru. Situasi ini selaras dengan sifat syariah Islam yang dinamis dan seiring dengan perubahan zaman (Tengku Fatimah 2011). Di Mahkamah Syariah, keterpakaian analisis DNA dalam penentuan nasab anak ini adalah fleksibel dan tidak mengikat keputusan Hakim Mahkamah Syariah. Menurut Tengku Fatimah (2011) undang-undang personal orang Islam dan adat istiadat adalah dibawah kuasa Perundangan Negeri. Oleh itu, setiap negeri mempunyai undang-undang keluarga Islam masingmasing. Namun begitu, peruntukan antara setiap negeri tidak banyak berbeza, misalnya Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 (selepas ini disebut Akta 303) yang menjadi model bagi peruntukan setiap negeri di Malaysia.

Seksyen 110 Akta 303 memperuntukkan bahawa:

“Jika seseorang perempuan yang berkahwin dengan seseorang lelaki melahirkan seorang anak lebih daripada enam bulan qamariah dari tarikh perkahwinannya itu atau dalam masa empat tahun qamariah selepas perkahwinannya itu dibubarkan sama ada oleh sebab kematian lelaki itu atau ole sebab perceraian, dan perempuan itu pula tidak berkahwin semula, maka lelaki itu hendaklah disifatkan sebagai bapa anak itu, tetapi lelaki itu boleh, dengan cara lian atau kutukan, menafikan anak itu sebagai ananya di hadapan mahkamah”.

Melalui pembacaan peruntukan ini dan pembacaan kes *Wan Azmi v Nik Salwani*, Tengku Fatimah (2011) mendapati ia menjadi kebiasaan bagi mahkamah syariah menimbangtara dua persoalan dalam penentuan nasab anak. Persoalan *pertama* adalah adakah perkahwinan itu telah diakad secara sah atau sebaliknya. Sekiranya mahkamah berpuas hati bahawa sesuatu perkahwinan itu adalah sah disisi syarak maka mahkamah akan melihat persoalan *kedua* pula dengan merujuk tarikh kelahiran bayi berkenaan berdasarkan taqwim hijri. Untuk mensabitkan kesahtarafan anak, seseorang itu mesti telah dilahirkan melebihi enam bulan dua /ahzoh (saat) dari tarikh akad nikah perkahwinan.

Contoh kes lain ialah *Wan Khairi bin Wan Azmi v Farah Nurliliana bt Jauhari*, pemohon membuat suatu permohonan supaya mahkamah membuat sabitan ke atas seorang bayi lelaki yang telah dilahirkan oleh responden, Farah Nurliliana bt Jauhari, pada 7 Disember 2010 adalah anak sah taraf mengikut hukum Syarak bagi pasangan Farah Nurliliana binti Jauhari dengan Wan Khairi bin Wan Azmi, pemohon, dan anak berkenaan itu dikehendaki menasabkan kepada Wan Khairi bin Wan Azmi. Responden telah diakadnikah dengan pemohon secara sah pada 9 Jun 2010 di Besut, Terengganu, berwalikan bapa kepada responden. Akad nikah perkahwinan pemohon dengan responden itu telah pun didaftarkan oleh Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' Orang Islam Daerah Besut.

Mahkamah memutuskan dengan menasabkan bayi lelaki kepada pemohon. Seksyen 109 Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam (Terengganu) 1985 memperuntukkan, ‘Jika seorang perempuan yang berkahwin dengan seorang lelaki melahirkan seorang anak dalam masa enam bulan atau lebih dari tarikh perkahwinan itu... maka lelaki itu hendaklah disifatkan sebagai bapa anak itu ...’. Dari perspektif hukum Syarak pula ianya memperuntukkan tambahan syarat kepada kelahiran dalam tempoh enam bulan dua saat (lahzoh) dari tarikh akadnikah perkahwinan dengan dua syarat. Syarat pertama ialah dalam tempoh perkahwinan berkenaan, suami berkeupayaan tinggal bersama isterinya itu sebagai suami-isteri. Kedua suami berkenaan berkeupayaan melakukan persetubuhan dengan isterinya itu. Selain itu, Responden telah melahirkan bayi lelaki berkenaan itu dalam tempoh melebihi enam bulan dua saat (lahzoh) dari tarikh akad nikah perkahwinannya dengan Pemohon. Kiraan dibuat seperti berikut:

Bulan	Kiraan bulan/hari
1) Jamadil akhir 1431 (27–30 haribulan)	tiga hari
2) Rajab 1431	satu bulan
3) Syaaban 1431	satu bulan
4) Ramadhan 1431	satu bulan

5) Syawal 1431	satu bulan
6) Zulkaedah 1431	satu bulan
7) Zulhijjah 1431	satu bulan
8) 1 Muharram 1432 bersamaan 7 Disember 2010	satu hari

Dalam tempoh perkahwinan responden dengan pemohon mulai 9 Jun 2010, hingga tarikh responden melahirkan bayi lelaki pada 7 Disember 2010 Mahkamah berpuas hati bahawa pemohon sebagai suami sentiasa berkeupayaan tinggal bersama responden sebagai suami isteri. Sepanjang tempoh itu suami berkenaan berkeupayaan melakukan persetubuhan dengan isterinya itu.

Dalam kes *Wan Azmi v Nik Salwani* ini juga Mahkamah lebih mengutamakan kiraan tempoh kelahiran anak selepas kelahiran untuk penentuan nasab anak tanpa melihat ada keperluan untuk melakukan analisis DNA. Yang Menuntut telah diakadnikahkan dengan Kena Tuntut pada 29 Jun 1987, dan kemudian mereka telah bercerai pada 21 Disember 1987 di Mahkamah Kadi, Jajahan Tumpat, Kelantan. Yang Kena Tuntut telah membuat tuntutan nafkah anak dan nafkah mengandung dari Yang Menuntut di Mahkamah Kadi, Jajahan Kota Bharu. Anak itu dilahirkan pada 18 Mac 1988, iaitu lapan bulan selepas tarikh perkahwinan. Yang Menuntut menafikan anak itu adalah anak kandungnya dan memohon perintah mengisyiharkan bahawa anak itu bukan anaknya. Mahkamah memutuskan oleh kerana ada keterangan bahawa Yang Menuntut telah menyetubuhinya Yang Kena Tuntut dan anak itu dilahirkan lebih dari enam bulan dari berlaku persetubuhan itu, anak itu hendaklah dianggap anak sah kepada Yang Menuntut.

Jika rujukan dibuat kepada Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 terdapat kemungkinan berlakunya kekeliruan terhadap tahap pembuktian DNA di Mahkamah Syariah. Ini kerana, laporan analisa DNA adalah suatu keterangan dokumentar dalam kategori Dokumen Awam bagi maksud seksyen 57(a)(iii). Sekiranya Mahkamah Syariah memanggil pakar forensik DNA untuk hadir bagi memberikan keterangan mengenai laporan tersebut, maka keterangannya akan dikira sebagai keterangan saksi pakar di bawah seksyen 33(1) dan 39 dalam Akta yang sama. Keterangan yang diberikan adalah pada taraf qarinah. Manakala seksyen 3 dalam Akta yang sama pula memasukkan qarinah sebagai sebahagian daripada bayyinah iaitu keterangan yang membuktikan sesuatu hak atau kepentingan. Kesimpulannya, ada ketika laporan analisa DNA menjadi keterangan dokumentar, ada ketika keterangan pakar forensik DNA terhadap laporan tersebut adalah qarinah dan ada ketika ia menjadi Qarinah kerana ia sebahagian daripada bayyinah (Hazim, Ruqayyah & Syahirah 2019)

Selain itu, Mohd Sabree & Ruzman (2021) ada menyatakan dalam kes *Eddyham bin Zainuddin lwn. Rahimah bt. Muhamad*, pendapat pakar dalam kategori penentuan nasab adalah merujuk kepada pensabitan nasab dan bukannya untuk menafikan nasab. Dalam kes ini, hakim telah menolak keterangan pakar DNA kerana mahkamah mendapati permohonan sebenar yang ingin dilakukan oleh pemohon adalah berkaitan penafian nasab. Berdasarkan nas dan autoriti yang dikemukakan oleh hakim iaitu surah an-Nur ayat 6-9, pandangan Imam Khatib al-Syarbini dalam *Mughniy Muhtaj*, Jilid 3, hlm 373-374 dan Seksyen 111 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003, hanya terdapat satu cara atau kaedah sahaja yang boleh digunakan untuk menafikan nasab, iaitu dengan kaedah li'an. Ini adalah kerana ia berkait rapat dengan tuduhan zina (qazaf) dan cara lain tidak diiktiraf oleh hukum syarak. Laporan DNA tersebut hanya boleh digunakan oleh perayu sebagai untuk menguatkan keyakinan perayu bagi melakukan qazaf dan berli'an sahaja.

Manakala dalam satu kes semakan *Azman bin Johari lwn Hazirah binti Mohamed*, Kes Mal No.: 11200-003-0278-2016 (Kes tidak dilaporkan), bertarikh 21 Disember 2016, Pemohon meragui status anak yang dilahirkan Responden bukan dari hubungan kelamin dengannya. Atas permohonan Pemohon, Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu telah memerintahkan Pemohon dan anak yang dilahirkan melakukan ujian paterniti DNA dari specimen darah. Keputusan analisis DNA mengesahkan Pemohon bukan bapa kepada anak tersebut. Hakim Kamalruazmi bin Ismail mengiktiraf ujian DNA sebagai kaedah pembuktian secara qarinah yang dibenarkan syarak dengan ketepatan 99.999% (Ahmad, Helmi & Ramalinggam 2022). Merujuk kepada kes *WNHA v MHI*, keputusan mahkamah berkenaan permohonan pengesahtarafan anak yang difailkan oleh WNHA ('plaintif') dibuat berdasarkan tempoh kelahiran anak selepas tarikh pernikahan, fatwa kebangsaan dan negeri dan iqrar yang dibuat oleh defendant di hadapan hakim syarie.

Plaintif merupakan seorang muallaf yang melahirkan anak lelaki bernama MEH bin MHI yang dilahirkan pada 6 April 2012 memohon agar mahkamah mengisyiharkan bahawa anak tersebut adalah anak tidak sah taraf sekaligus tidak boleh dinasabkan atau dibinkan kepada defendant sebagai bapa. Berdasarkan keterangan plaintif, plaintif mengakui semasa akad nikah dijalankan plaintif sedang mengandung tujuh bulan lebih. Ini bermakna anak tersebut telahpun wujud dalam kandungan plaintif sebelum akad nikah dilafazkan. Selain itu, anak tersebut juga lahir kurang dari enam bulan qamariah dua lahzoh. Fatwa fuqaha' Mazhab as-Syafie menyatakan bahawa anak yang lahir kurang dari enam bulan adalah dilarang dihubungkan dengan lelaki yang menyebutuhi ibu kepada anak tersebut. Fatwa Kebangsaan dan Fatwa Negeri Selangor pula mentakrifkan anak tidak sah taraf sebagai anak yang lahir kurang dari enam bulan dua lahzoh mengikut takwim qamariah daripada tarikh tamkin tidak boleh dinasabkan kepada lelaki yang menghamilkan wanita tersebut. Iqrar yang dilafazkan oleh plaintif berkenaan dirinya telah hamil tujuh bulan lebih sebelum akad nikah dengan defendant telah mengikat dirinya dari segi undang-undang. Tambahan pula iqrar ini telah dibuat di hadapan hakim bicara di dalam mahkamah. Ianya juga bertepatan dengan peruntukan seksyen 17 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003.

Hal yang sama juga berlaku dalam kes *Mohd Faizol bin Zainal v Suhaila bt Yusoff*, tempoh kelahiran anak dan iqrar defendant telah mengikat keputusan hakim. Plaintiff telah membuat suatu tuntutan supaya mahkamah membuat penentuan sabitan nasab bagi seorang bayi perempuan yang telah dilahirkan oleh defendant pada 5 Mei 2009 yang telah diberi nama Nur Farisha bt Abdullah iaitu sama ada bayi tersebut adalah anak sah taraf atau sebaliknya mengikut hukum syarak bagi pasangan Mohd Faizol bin Zainal, dengan Suhaila bt Yusoff, defendant dan seterusnya memohon kepada mahkamah agar anak tersebut supaya dinasabkan kepada plaintiff sebagai bapa. Plaintiff di dalam tuntutan ini telah diakadnikahkan dengan defendant pada 8 Januari 2009. Plaintiff dan defendant telah membuat pengakuan bahawa sebelum mereka berkahwin, mereka telah mengadakan hubungan luar nikah sehingga defendant telah hamil anak luar nikah pada Ogos 2008. Plaintiff dan defendant menyatakan kepada mahkamah, bahawa disebabkan oleh kemalangan dialami oleh plaintiff, mereka mengambil masa yang lama untuk menguruskan persediaan bagi mereka berdua berkahwin. Seterusnya pada 8 Januari 2009 plaintiff dan defendant telah dijabkabulkan, yang mana usia kandungan defendant pada masa itu telah pun mencecah empat bulan lebih. Isunya timbul apabila Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) enggan meletakkan 'binti' (nama bapa) di dalam sijil lahir anak itu kepada plaintiff sebagai bapanya dengan alasan kelahiran anak tersebut tidak mencukupi tempoh enam bulan dari tarikh akad nikah perkahwinan plaintiff dan defendant yang membolehkan nasab seseorang anak kepada bapanya mengikut hukum syarak.

Mahkamah Rendah Syariah menolak tuntutan plaintiff untuk sabitan nasab anak berdasarkan kepada iqrar pengakuan defendant bahawa beliau telah mengandungkan kanak-kanak tersebut akibat dari hubungan luar nikah dengan plaintiff. Oleh itu, bayi yang lahir itu adalah anak luar nikah atau anak tidak sah taraf. Seorang anak luar nikah atau dikenali juga dengan istilah anak tidak sah taraf, mengikut hukum syarak tidak dinasabkan kepada lelaki (bapa biologi) yang menyebabkan kelahirannya dan sekaligus tidak boleh dibinkan kepada lelaki berkenaan. Alasan berlakunya kemalangan terhadap plaintiff dan kecederaan yang dialaminya yang mana didakwa telah menjadi penyebab kelewatan pernikahan dapat dilangsungkan antara plaintiff dan defendant bukanlah suatu alasan yang syarie yang

mana ia tidak boleh diterima untuk mengenepikan tempoh perkiraan pensabitan nasab seseorang anak yang telah ditentukan oleh hukum syarak.

Berbeza pula dalam kes *Mohammad Ismail bin Hj Abu Bakar v Hajah Rosita @ Nurul Asyiqin bt Hj Lakat* dimana DNA dijalankan bagi membantu pihak plaintif untuk meyakinkan dakwaannya bahawa anak tersebut bukan nasabnya dan tempoh kelahiran anak menjadi penanda aras utama Mahkamah untuk membenarkan sumpah li'an.

Plaintif dan defendant telah bernikah pada 24 September 1995 dan telah sabit bercerai pada 3 Februari 2007. Hasil perkahwinan tersebut mereka dikurniakan empat orang anak. Pada 7 September 2007, defendant telah melahirkan seorang lagi anak lelaki yang diberi nama Mohd Dzakwan. Plaintiff telah membuat tuntutan menafikan anak tersebut sebagai anak hasil hubungan perkahwinan antara kedua pihak dengan alasan perceraian telah berlaku pada 3 Februari 2007. Plaintiff juga menafikan bahawa anak tersebut adalah hasil hubungan kelamin kedua pihak semasa perkahwinan. Isu yang timbul adalah berhubungkait dengan kesahtaranan anak yang mana plaintiff menafikan anak tersebut untuk dinasabkan kepada plaintiff. Bagi menentukan bahawa kedua pihak benar-benar berpuashati dan tidak timbul penyesalan dikemudian hari, atas nasihat mahkamah dan dengan persetujuan kedua pihak, satu ujian makmal melalui DNA telah dijalankan supaya kedua pihak benar-benar berpuashati dan tidak timbul penyesalan dikemudian hari, satu ujian DNA telah dijalankan bagi membantu pihak plaintiff untuk meyakinkan dakwaannya. Dan hasil keputusan DNA tersebut telah didapat dan ini terpulang kepada plaintiff sama ada mahu meneruskan ataupun tidak tuntutan untuk berli'an tersebut.

Mahkamah Rendah Syariah membenarkan permohonan plaintiff berdasarkan keterangan plaintiff dan defendant, anak tersebut memang dilahirkan dalam tempoh lebih dari enam bulan dan dua lahzah serta masih dalam tempoh empat tahun maka perkara tersebut adalah terpulang kepada pihak plaintiff sendiri sama ada untuk menafikan nasab anak tersebut atau sebaliknya. Jika plaintiff berkeyakinan bahawa anak itu bukan anak hasil pernikahan plaintiff dan defendant maka terpulang kepada plaintiff untuk membuat penafiannya melalui li'an. Hasil ujian makmal melalui DNA tersebut mendapati bahawa anak tersebut bukanlah anak kepada plaintiff secara biologikal. Setelah pihak-pihak tahu akan keputusan makmal tersebut dan memandangkan pihak plaintiff masih bertekad meneruskan tuntutannya dengan cara li'an bagi menafikan nasab ke atas anak tersebut maka perlaksanaan sumpah li'an dilakukan di hadapan mahkamah .Setelah sumpah li'an diangkat oleh plaintiff dan defendant, maka dengan ini mahkamah mengeluarkan perintah bahawa anak bernama Mohd Dzakwan tidak dinasabkan kepada plaintiff.

Secara tuntasnya, keterpakaian DNA sebagai Qarinah dalam penentuan nasab dilihat masih lagi tidak digunakan secara meluas berikutkan tiada mana-mana peruntukan negeri, fatwa negeri dan kebangsaan yang mengikat mahkamah syariah untuk berbuat demikian. Secara hemahnya, penulis berpendapat meskipun peruntukan undang- undang keluarga Islam di Malaysia mengambil kira pandangan mazhab dalam menentukan nasab, peruntukan itu perlu diperkemas lagi dengan adanya peruntukan mewajibkan ujian DNA dilakukan apabila terjadinya perselisihan tentang penentuan nasab, agar segala keraguan dapat dielakkan. Hal ini juga dapat mengelak daripada menasabkan seseorang kepada seseorang yang bukan bapanya yang jelas diharamkan dalam Islam.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, DNA atau dalam bahasa Inggeris, asid deodsirbonukleik ialah suatu molekul DNA yang mengandungi pangkalan data terpenting dalam sesuatu sel kehidupan yang membentuk keperibadian individu dan diperturunkan dari satu generasi ke generasi lain melalui perkembangan pembiakan. Gen pula adalah sub unit kepada molekul DNA dan asas data baka yang membolehkan sel menjana protein seterusnya mencorakkan setiap rupa, bentuk fizikal, fisiologikal dan biokimia seseorang itu. Seseorang individu memiliki set lengkap DNA yang mengandungi kromosom yang diperolehi daripada ibu bapa yang berjumlah 46 set kromosom yang mengandungi jutaan maklumat atau gen tentang kehidupan seseorang sebagai manusia. DNA boleh didapati di dalam nukleus yang terletak di sel yang membentuk tisu dan seterusnya organ tubuh seperti sel darah putih, sperma, peluh, air liur, akar rambut, tahi telinga, tulang dan gigi. DNA juga ada terdapat di dalam mitokondria untuk kes-kes sampel mayat yang telah reput atau sel-sel yang telah mati.

Sains Forensik merupakan proses yang mengaplikasikan kemodenan sains seperti kimia, biologi, fizik, teknologi maklumat dalam menyelesaikan pelbagai permasalahan terutama yang melibatkan kes-kes mahkamah, penyiasatan, jenayah dan sebagainya. Forensik adalah satu proses menggunakan pengetahuan saintifik untuk mengumpul, menganalisa dan mempersebahkan keterangan kepada mahkamah seperti kes-kes jenayah, pengesahan identiti anak dan ibu bapa, identiti mangsa nahas, punca sesuatu insiden atau kemalangan dan sebagainya.

Antara kes yang menggunakan profil DNA ialah untuk memastikan identiti individu sama ada bagi kes mayat reput, kematian akibat bencana ramai, mengenalpasti identiti ibu bapa sebenar bagi seorang bayi atau anak yang ditinggalkan atau dibuang serta isu pertikaian nasab seorang anak sebagaimana dalam kes perebutan harta pusaka, anak luar nikah mahupun untuk mengenal pasti bapa sebenar si anak. Ini bersesuaian dengan Seksyen 33(1) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan). Bagi tujuan pembuktian di mahkamah, analisa DNA dilakukan oleh Bahagian DNA Forensik Jabatan Kimia Malaysia. Keterangan pakar adalah relevan di bawah Seksyen 45 Akta Keterangan 1950. Berdasarkan kepada seksyen ini, seseorang itu boleh dianggap pakar apabila pendapat atau perkara itu jatuh di bawah beberapa kategori iaitu undang-undang negara asing, sains atau seni dan tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari.

Muzakarah menjelaskan bahawa Majma' Fiqh al-Islami telah memutuskan bahawa untuk mengisbatkan nasab, penggunaan DNA dibenarkan dan dilakukan atas perintah mahkamah hanya dalam kes pertelingkahan ketidaktahuan nasab anak atas pelbagai sebab, kes kekeliruan atau pertukaran anak di hospital atau pusat jagaan, kes bayi tabung uji serta dalam kes anak-anak yang hilang atas sebab bencana alam dan sebagainya. Malahan, Muzakarah juga bersetuju memutuskan supaya garis panduan untuk menjalankan ujian DNA oleh pihak berkuasa berkaitan hendaklah diperketatkan lebih-lebih lagi dalam isu untuk menafikan nasab kerana DNA hanya sekadar qarinah atau sokongan semata-mata dan tidak boleh dijadikan bukti utama.

Penerangan dalam hadith dan ayat-ayat Al-Quran menguatkan lagi dalam penemuan analisis DNA dimana DNA dapat menghasilkan tiga jenis analisis iaitu paterniti bagi penentuan bapa, materniti bagi penentuan ibu dan kinship bagi penentuan adik-beradik kandung. Di Mahkamah Syariah, keterpakaian analisis DNA dalam penentuan nasab anak ini adalah fleksible dan tidak mengikat keputusan Hakim Mahkamah Syariah sebagaimana setiap negeri mempunyai undang-undang keluarga Islam masing-masing.

Kepelbagaiannya hadis jelas memaparkan Nabi SAW mengiktiraf ciri-ciri genetik yang tersendiri bagi setiap individu boleh menjadi bukti kepada pewarisan dan pensabitan nasab (keturunan). Mahupun begitu, ulama' bersepakat dalam menggunakan pakai doktrin firasy ini, suami mestilah seorang yang berkemampuan melakukan hubungan kelamin bagi membolehkan isterinya mengandung dan sudah mencapai usia baligh. Mazhab Syafi'e, Maliki dan Hanbali juga mensyaratkan suami dan isteri mesti tinggal bersama sehingga memungkinkan kandungan itu berlaku bagi memastikan nasab diberikan kepada mereka yang berhak, dan kedudukan pemeliharaan nasab ini begitu tinggi walaupun ikatan akad yang sebenarnya telah berlaku. Akan tetapi, mazhab Hanafi mengambil pendekatan yang lebih longgar dengan tidak mensyaratkan suami isteri tinggal bersama, bahkan cukup dengan akad nikah sebagai satu ikatan yang mulia untuk membuktikan bahawa anak yang bakal dilahirkan adalah sah taraf.

Berdasarkan kaedah fiqh jelas menunjukkan Islam adalah agama yang menginginkan kebaikan kepada umat bukan kepayaan. Jelas, dalam masalah penentuan nasab yang kini menjadi pertikaian masyarakat mendorong kepada kaedah pemakaian DNA sebagai qarinah bagi menguatkuasakan keputusan dan membantu hakim dalam membuat pertimbangan bagi menilai sesuatu isu yang timbul di hadapannya dengan cara yang lebih efisien. Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang merujuk kepada keputusan Majma' Fiqh al-Islami menghurai isu berkaitan pemakaian DNA dalam penentuan nasab anak iaitu tiada larangan agama untuk bergantung kepada DNA dalam siasatan kesalahan jenayah dan boleh mengambilnya sebagai satu jalan untuk mensabitkan kesalahan yang tidak termasuk di dalam bab Hukum Had dan Qisas, penggunaan kaedah DNA dalam bidang penetapan nasab mesti ditangani

dengan penuh berhatihati, cermat dan sulit serta tidak dibenarkan agama bergantung kepada DNA untuk menafikan nasab, dan tidak boleh juga mendahuluikan DNA berbanding al-Li'an.

RUJUKAN

- Abdul Karim Zaidan. (1984). *Nizam al Qada Matbaah al 'ani*. Baghdad.
- Ahmad Qusairi Zulkefly, Ruzman Md Noor, Mohd Zaidi Daud (2021) Pembuktian Zina Bi AlJabr Menurut Hukum Syarak dan Perundangan Semasa: Ulasan Kajian Lepas.
- Ahmad Syukran Baharuddin. (2017). *Di Sebalik Fiqah Forensik*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd. hlm: 3.
- Ahnaf, Helmi & Ramalinggam (2022). Wasa'il Al-Ithbat Dalam Undang-Undang Keterangan Islam: Pemakaian Qarinah Dari Sudut Kes-Kes Kekeluargaan Di Mahkamah Syariah. 6th Muzakarah Fiqh & International Conference 2022 (6th MFIFC 2022).
- Akta Keterangan 1950.
- Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 (AKMS).
- Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.
- Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984.
- Al-Quran.
- Al-Zaydan, Abdul Karim., 1993, *al-Mufassal fi Ahkam al-Mar'ah wa Bayt al-Muslim*, Lubnan: Muassasah ar-Risalah, hlm: 414, Jil. 9.
- Anuar Zaini, 2001, *Kemajuan Sains dan Teknologi Kesannya Terhadap Perkembangan Hukum Islam Malaysia Kini dalam Hukum Islam Semasa*, APIUM: Kuala Lumpur.
- Danial Zainal Abidin, 2008, *Quran Saintifik Meneroka Kecemerlangan Quran daripada Teropong Sains*, Ulang cetak, Kuala Lumpur: PTS Millenia Sdn. Bhd.
- Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004.
- Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003.
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003.
- Hazim, Ruqayyah & Syahirah (2019). Analisis Awal Terhadap Isu-Isu Kebolehtenerimaan Asid Deoksiribonukleik DNA Sebagai Bahan Buktidi Mahkamah Syariah. UMRAN International Journal of Islamic and Civilizational Studies.
- Ismail, P. (2007). Kedudukan Mazhab Syafi'i dalam Undang-undang Jenayah Islam di Malaysia. *Jurnal Fiqh*, 4, 237–250.
- JAKIM (2012). Hukum Menggunakan DNA Untuk Menentukan Status Nasab Anak Dan Tempoh Melaksanakan Li'an Untuk Menafikan Nasab Anak. [http://e-smaf.islam.gov.my/esmaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/10304](http://esmaf.islam.gov.my/esmaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/10304) (27 November 2023).
- Jay M.Feinman & Erin McKean. (2003). *1001 Legal Words You Need to Know*. New York: Oxford University Press.
- Kamus Dewan. (2007). Edisi Ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmud Saedon A. Othman. (2003). Undang-undang Keterangan Islam. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Max M. Houck. (2009). *Forensic Science: Modern Methods of Solving Crime*. Pentagon Press: India.
- Mohamad Hafifi & Syamim Zakwan, *Analisis Hadis-Hadis Berkaitan Tuntutan Menjaga Nasab: Penguatkuasaannya Dalam Enakmen Jenayah Syariah Negeri-Negeri*.
- Mohamad Ridzuan bin Zainudin (2012), Pembuktian DNA di Mahkamah Syariah, Majlis Agama Islam Selangor, MAIS News.
- Mohammad Ismail bin Hj Abu Bakar v Hajah Rosita @ Nurul Asyiqin bt Hj Lakat [2009] 3 ShLR 84.
- Mohd Faizol bin Zainal v Suhaila bt Yusoff [2014] 2 ShLR.
- Mohd Sabree & Ruzman (2021). Pemakaian Keterangan Pendapat Pakar Sebagai Kaedah Pembuktian Di Mahkamah Syariah: Isu Dan Cabaran. *Jurnal 'Ulwan Special Issue I: Kolokium Penyelidikan Ijazah Tinggi Jilid 6 (Bil.1) 2021: 172-190.*
- Mohd Sabree Nasri, Ruzman Md Noor (2021) Pemakaian Keterangan Pendapat Pakar Sebagai Kaedah Pembuktian di Mahkamah Syariah: Isu dan Cabaran.
- Mustafa 'Abdul Rahman (2008). *Hadith 40 Terjemahan dan Syarahnya*. Dewan Pustaka Fajar.

- Nik Man, N. A., Ali Muhammad, R., & Analiyah. (2023). Penggunaan Analisis Asid Deoksiribonukleik (DNA) Sebagai Alat Pembuktian Kes: The Usage of Deoxyribonucleic Acid (DNA) as Evidence. *Journal of Ifta and Islamic Heritage*, 2(2), 1–31.
- Nurul Ain Anuar Shariff & Abdul Basir Mohamad, 2018, *Pendalilan Ayat Hukum Dan Kaedah Fiqh Dalam Penghujahan Fatwa Berkaitan DNA: Analisis Terhadap Fatwa Negeri Pulau Pinang*, Jurnal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa.
- Pusat Analisis Sains Forensik Jabatan Kimia Malaysia. (2018). *Bahagian DNA Forensik*. Diakses pada 1 Disember 2023 daripada <https://www.kimia.gov.my/v3/fungsi-bahagian/pusat-analisis-sains-forensik/dna-forensik.html>
- Ramalinggam Rajamanickam, Anita Abdul Rahim & Anisah Che Ngah. (2012). *Kedudukan Keterangan Pakar Forensik Di Bawah Seksyen 45 Akta Keterangan 1950*. Melaka: Proceedings of International Conference on Public Policy and Social Science, UiTM Melaka Malaysia.
- Rohaida bt Nordin(1993). Konsep dan pemakaian undang-undang keterangan Islam di Malaysia Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan sebagai model kajian. Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya.
- SAAD, Zulfakar Ramlee. Proving Cases in Syariah Courts: Issues and Resolutions. Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia, [S.l.], v. 27, n. 1, p. 122-142, jan. 2015. ISSN 2682-8057
- Sidi Ahmad Abdullah (1998). Pembuktian dan Keterangan dalam Undang-undang Islam:rujukan khusus kepada Qarinah. Penerbit Universiti Malaya.
- Tengku Fatimah, Najmiah & Siti Khadijah (2011). Penggunaan DNA Bagi Penentuan Nasab alWalad Li al- Firasy dalam Peruntukan Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari Keluaran Khas. Halaman muka surat 17-25.
- Wahbah Zuhaili(1995) Fiqh Perundangan Islam. Dewan Bahasa & Pustaka.
- Wan Azmi v Nik Salwani JH (1415 H) 192.
- Wan Khairi bin Wan Azmi v Farah Nurliliana bt Jauhari [2011] 2 SHLR 1.
- Zulfakar Ramlee, (2008). “Keterangan DNA dalam Sistem Perundangan Islam” dlm. Jurnal ILIM Bil. 1, hlm. 111-18, 2008.